

5hb- JUN 1982

0831

FOTOKOP TIDAK DIBENARKAN



# AKADEMI SENI

RENCANA TESIS - PERANCANGAN PELAN  
INDUK DAN REKABENTUK TENTER PE-  
LAJAR AKADEMI SENI MALAYSIA

OLEH:

KHARUL AMALI BIN DAHARUN,  
DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA,  
ITM: 1981/82 : TAHUN 2.

# KANDUNGAN

## PENGHARGAAN

## DAFTAR ILUSTRASI

## PENDAHULUAN

Akademi Seni Malaysia	3
Kenyataan Masaalah	5
Pendekatan Kajian	7
Metodoloji	8

## 1.0 TINJAUAN PROJEK

1.1 Fungsi dan kegiatan Akademi Seni	11
1.1.1 Apakah Akademi Seni	11
1.1.2 Konsep atau falsafah Akademi Seni	12
1.2 Jenis-Jenis Kursus yang di jalankan	14
1.2.1 Kursus Musik	14
1.2.2 Kursus Tarian dan Drama	15
1.2.3 Kursus Seni Halus	15
1.2.4 Kursus Sinimatografi	16
1.2.5 Kursus Penulisan Kreatif	16
1.2.6 Kursus Pendidikan Perguruan	17

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ghani Desa, Penyelia dan penasihat bagi projek rencana Tesis ini, di atas bimbingan dan nasihat beliau di dalam menyiapkan rencana Tesis ini. Ia juga di tujukan kepada lain-lain penyelia yang pernah saya temui.

Saya juga ingin menyuarakan rasa terhutang budi kepada bakal isteri saya, cik Nurizah bt. Noordin kerana bertungkus lumus menaipkan segala maklumat-maklumat yang telah di susun, supaya dapat di hantar pada tarikh yang di tetapkan.

Juga ucapan penghargaan ini saya tujukan kepada Badan-Badan tertentu/Jabatan-Jabatan berkenaan serta persatuan yang terlibat semasa kerja-kerja penyediaan dan penyiapan rencana Tesis ini berjalan :

- i. Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur
- ii. Jabatan Pelan Induk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- iii. Bahagian Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- iv. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- v. Jabatan Ukur Wilayah Persekutuan.
- vi. Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan.
- vii. Jabatan Bomba Wilayah Persekutuan
- viii. Lembaga Letrik Negara

Dan berbagai institusi-institusi serta mereka-mereka yang terlibat samada secara langsung maupun tidak langsung, di atas segala maklumat yang mereka berikan.

Di atas segala jasa baik mereka, sekali lagi jutaan terima kasih, semoga Allah sahaja yang akan membalasnya.

\* KHARUL AMALI B. DAHARUN \*

# IKTISAR TESIS PROJEK AKHIR DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA.

## **Pendahuluan.**

Kesedaran mencari 'akar' keturunan sudah lama di mulakan di negara Dunia Ketiga. Afrika sedang mencari semula asal usul mereka demi membina pegangan hidup yang lebih stabil. Mereka tidak mahu di hanyutkan oleh arus kemodenan tanpa pendirian sendiri. Mereka mula sedar tidak semua yang baharu itu baik dan tidak semua yang lama itu buruk.

Kita juga harus meninjau kembali adat serta kebudayaan yang kita pusakai dari zaman datuk nenek dahulu. Memperkuatkan kembali mana yang unggul, menyesuaikan kembali mana yang perlu, meninggalkan yang bertentangan dengan agama serta lingkungan kehidupan kita di sini.

Jikalau kita kaji ternyata masyarakat tradisional memandang tinggi terhadap kebudayaan. Biar mati anak tetapi jangan mati adat dan mati biar di kandung tanah. Kepatuhan masyarakat tradisional ini kepada adat kebudayaan berpunca dari adat itu merangkumi seluruh kehidupan termasuklah kepercayaan, perhubu-

## **Akademi Seni Malaysia.**

Memandangkan betapa pentingnya seni dan budaya demi menjaga nama baik masyarakat serta bangsa, pihak Kementerian Kebudayaan telah membuat satu inisiatif untuk memenuhi hasrat tersebut. Di dalam kertas kerja yang telah di bentangkan tertulis satu cadangan untuk mendirikan sebuah institusi yang dapat memberi sumbangan ke arah mempelopori, memupuk serta memperkembangkan anika jenis kesenian yang terdapat di dalam masyarakat kita. Dengan adanya satu akademi seperti itu dapatlah kita kelak mempelajari berbagai jenis kebudayaan tradisional, serta di pertuntunkan agar menjadi lambang kemegahan negara kita.

Mungkin dengan cara ini kita dapat menghalang kebudayaan kita dari terus hilang di telan oleh arus kemajuan. Masyarakat kita akan tahu, kebudayaan bagaimanakah yang harus di kekalkan dan bagaimana pula yang harus di tinggalkan ? Siapakah yang bertanggung jawab memastikan adat kebudayaan agar tidak hapus